

# LGBT bencana kepada sistem kekeluargaan



**HANAFI Harun (empat dari kanan) berbual dengan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) USIM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah sambil diperhatikan oleh Zulkiple Abd. Ghani (tiga dari kanan) pada Seminar Perkahwinan dan Seksualiti 2014 di USIM, Nilai, Negeri Sembilan, semalam.**

SEREMBAN 29 Mei - Gejala lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) adalah satu bencana kepada sistem kekeluargaan yang 'dieksport' ke seluruh dunia melalui proses globalisasi.

Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Dr. Zulkiple Abd. Ghani berkata, dunia tanpa sempadan yang menjadi teras globalisasi telah menyebabkan LGBT disebar ke seluruh dunia.

Kata beliau, serangan daripada penyebaran gejala yang melanggar norma serta susila kehidupan manusia itu semakin hebat sejak akhir-akhir ini dan merebak lebih cepat dengan bantuan penggunaan gajet serta teknologi maklumat.

"Hanya dengan berpegang kuat kepada agama, budaya dan jati diri akan dapat menjadi benteng kepada serangan yang bertalu-talu dan janggal ini," katanya ketika beru-

cap dalam majlis perasmian Seminar Perkahwinan dan Seksualiti (MASEC 2014) di USIM dekat Nilai di sini hari ini.

Program anjuran Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan USIM dengan kerjasama Biro Tata Negara (BTN), Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) itu dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Latihan) BTN, Dr. Hanafi Harun.

Lebih 170 peserta yang terdiri daripada para pengamal kaunseling dan psikologi dari BTN, KDN, Kementerian Pendidikan, pelajar USIM, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) menyertai seminar selama dua hari bermula semalam itu.

Sementara itu, dalam sidang akhbar, Dr. Zulkiple menggesa umat Islam tidak teruja dengan konsep kehidupan peribadi yang cuba

disebarkan oleh pengamal hak asasi manusia dari barat.

Melalui konsep itu, jelasnya, seseorang individu kononnya berhak melakukan apa sahaja yang dikategorikan sebagai kehidupan peribadi meskipun menyalahi norma kehidupan dan agama.

"Islam sangat menekankan mengenai hak peribadi tetapi ia tidak bersifat mutlak kerana perlu diseimbangkan dengan masalah umum."

"Islam tidak memisahkan antara kehidupan peribadi dengan tingkah laku di khalayak ramai kerana apa jua perbuatan dan amalan seseorang individu, ia masih mempunyai kaitan dengan kehidupan masyarakat dan tuhan," ujarnya.

Beliau berkata, banyak penyakit masyarakat yang berpunca daripada konsep kehidupan peribadi termasuk penularan gejala LGBT.